

AS PREPARED FOR DELIVERY

Ramuan untuk Kemakmuran Ekonomi Malaysia

Oleh Christine Lagarde, Pengarah Urusan, Tabung Kewangan Antarabangsa
Universiti Malaya – Kuala Lumpur
24 Jun 2019

Pengenalan & Tema

Para tetamu kehormat, tuan-tuan dan puan-puan, *Selamat Pagi!*

Terima kasih Profesor Norma atas pengenalan tadi. Saya merasa berbesar hati dapat berada di Universiti Malaya, universiti yang tertua di Malaysia pada pagi ini. Terima kasih, Profesor Saadah, kerana sudi menjadi hos pada pagi ini.

Saya berharap agar dapat mempelajari sesuatu daripada tuan-tuan dan puan-puan dan mengetahui dengan lebih lanjut tentang negara yang berbilang kaum yang sedang pesat membangun ini.

Sebenarnya selepas ini saya akan menyertai majlis sambutan Hari Raya. Saya dengar majlis seperti ini selalunya menghidangkan pelbagai juadah Malaysia yang enak.

Saya ingin mencuba salah satu daripada makanan yang terkenal dari negara ini – *Asam Laksa*. Saya dimaklumkan bahawa laksa ini merupakan sup pedas dan masam yang boleh disediakan dengan pelbagai cara namun sentiasa menghasilkan keputusan yang sama – gabungan pelbagai ramuan yang lazat. Saya akan menggunakan kaedah yang sama dalam ucapan saya pada pagi ini.

Pertama, mari kita sama-sama melihat antara ramuan yang menjadikan pencapaian Malaysia suatu kejayaan yang istimewa dan kemudian melihat bagaimana gabungan ramuan yang baharu boleh menyediakan masa depan yang gemilang untuk negara. Saya harap ucapan saya ini tidak membuatkan kita semua merasa lapar!

I. Pencapaian Ekonomi Malaysia

Kita mulakan dengan rekod kejayaan Malaysia.

Malaysia seharusnya berbangga dengan pencapaiannya sepanjang dua puluh tahun yang lalu.

Sejak tahun 2000, purata pertumbuhan KDNK tahunan sebenar Malaysia adalah pada 5.5 peratus. Pendapatan sebenar per kapita meningkat sebanyak hampir 6 peratus setahun. Purata jangka hayat telah meningkat sebanyak hampir 3 tahun.¹

Apakah rahsia Malaysia? Sebahagiannya dicapai menerusi **usaha mempelbagaikan ekonomi, mengukuhkan sektor kewangan dan menumpukan perhatian kepada pertumbuhan yang mapan.**

Hasilnya menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang lebih inklusif dan anjal yang dapat menahan impak krisis kewangan dunia yang melanda pada tahun 2008.

Sesuai dengan semangat negara ini, Malaysia telah berjaya mengubah keadaan yang sukar dan menjadikannya sebagai satu peluang yang baharu. Ini samalah seperti elemen masam yang memberikan perisa yang menarik kepada laksa.

Malaysia telah memanfaatkan kedudukan geografinya untuk **meningkatkan hubungan perdagangan dan memupuk integrasi**. Malaysia telah tampil sebagai sebuah kuasa global dalam bidang pembuatan dengan menghasilkan komputer, peralatan telefon mudah alih, semikonduktor dan banyak lagi.

Malaysia bukan sahaja membuat, malah turut mencipta. **Malaysia telah menjadi sebuah hab inovasi**. Negara ini memiliki Zon Perindustrian Bebas Bayan Lepas — juga dikenali sebagai Silicon Valley Timur Jauh.

Sepanjang lima tahun yang lepas, syarikat-syarikat pemula niaga dari syarikat media digital hinggalah perkhidmatan kewangan berasaskan web kepada agensi pekerjaan profesional dalam talian telah muncul di seluruh negara.

Dan kita sedar bahawa sebuah ekonomi usahawan seperti Malaysia hanya boleh berkembang dengan memiliki tenaga kerja yang berpendidikan. Inilah yang sedang berlaku di Malaysia.

Pada tahun 2003, akses universal kepada pendidikan sekolah rendah telah diwujudkan. Sejak beberapa tahun kebelakangan, jumlah perbelanjaan oleh kerajaan untuk pendidikan telah meningkat menghampiri 5 peratus daripada KDNK — satu angka yang agak tinggi melebihi negara-negara lain di rantau ini.²

Perbelanjaan untuk pendidikan tinggi, seperti yang dapat dilihat menerusi kejayaan universiti ini dan pusat pendidikan tinggi yang lain di seluruh Malaysia kini hampir menyamai kebanyakan negara-negara OECD.

Ada sebuah ungkapan yang terkenal tentang perbelanjaan oleh kerajaan, “Tunjukkan saya bajet anda dan saya akan beritahu anda tentang apa yang anda hargai.”

Apabila saya melihat bajet seperti ini dan saya berpeluang melawat universiti bertaraf dunia yang hebat seperti Universiti Malaya, **ini jelas menunjukkan apa yang dihargai oleh Malaysia — peluang pendidikan untuk generasi yang akan datang.**

Namun kita semua sedar bahawa banyak perkara yang perlu dilakukan dalam bidang pendidikan — dan saya akan sentuh tentang hal ini kemudian..

Jadi apakah yang boleh kita simpulkan daripada pencapaian Malaysia sejak beberapa dekad yang lalu? Keadaan sentiasa berubah dan kita sentiasa perlu berubah dan memikirkan cara bagaimana melakukan sesuatu dengan lebih baik lagi.

Inilah yang sedang dilaksanakan oleh kami di IMF, sebahagiannya mencerminkan pengalaman kami di Malaysia dan di rantau ini. Kami sedar bahawa wujudnya isu-isu yang semakin rumit yang timbul daripada pertembungan aliran modal, dasar monetari dan kadar tukaran wang serta langkah-langkah berhemah secara makro.

Ini memerlukan penilaian yang lebih mendalam tentang nasihat dasar kami, untuk menjangkau panduan yang sedia ada.

Samalah seperti membuat laksa, terdapat pelbagai cara untuk memperoleh hasil yang diinginkan. Kami di Tabung Kewangan berhasrat untuk belajar daripada pelbagai pendekatan yang digunakan oleh negara-negara dan menghasilkan idea-idea baharu yang boleh memenuhi keperluan negara-negara anggota.

Matlamat kami adalah *pendekatan dasar ekonomi bersepadu* yang membantu negara-negara anggota untuk mencari jalan untuk menyelesaikan masalah yang mereka hadapi dan seterusnya membantu mereka mewujudkan ekonomi yang lebih baik untuk masa depan.

Secara ringkasnya, mengkaji pengalaman Malaysia merupakan sebahagian daripada usaha untuk menambah baik nasihat dasar IMF.

Ini mengingatkan saya kepada kata-kata oleh bapa kemerdekaan dan canselor pertama universiti ini — Tunku Abdul Rahman. Beliau berkata, *“Jika kita bersatu dan bekerjasama secara penuh muhibah dan harmoni, maka tiada siapa yang boleh menghalang pencapaian kita untuk masa akan datang.”*

Pesanan ini adalah benar semasa dilafazkan pada tahun 1960an dan begitulah juga pada hari ini. Namun bagaimana masa depan Malaysia nanti?

II. **Ramuan Utama untuk Kejayaan Malaysia Secara Jangka Panjang**

Kita bertemu di saat sokongan untuk kerjasama antarabangsa dipersoalkan oleh sesetengah pihak. Pertumbuhan perdagangan global telah berkurangan sejak lebih enam tahun lalu dan kuasa-kuasa besar ekonomi dunia kini meletakkan sekatan ekonomi yang baharu. Ini akan memberi kesan secara langsung kepada ekonomi yang bersepadu dan terbuka seperti Malaysia.

Seperti sebelum ini, Malaysia akan dapat menghadapi cabaran ini secara kreatif dan menambah baik resipinya untuk kejayaan. **Untuk berjaya, anda memerlukan adunan ramuan yang tepat untuk menghasilkan pertumbuhan jangka panjang yang inklusif dan mapan.** Perdana Menteri Mahathir Mohamad telah menyatakan bahawa kunci kepada kejayaan ekonomi adalah dengan meningkatkan pertumbuhan produktiviti. Saranan beliau adalah sangat tepat.

Peningkatan produktiviti adalah penting jika Malaysia mahu mencapai matlamat menjadi negara berstatus pendapatan tinggi pada dekad yang akan datang. Walaupun dengan kejayaan

ekonomi sepanjang dua puluh tahun yang lalu, produktiviti masih belum meningkat sebagaimana yang diharapkan dan tidak berubah sejak beberapa tahun kebelakangan ini.

Kenapa perkara ini perlu dipandang serius? Ini adalah kerana pertumbuhan produktiviti memacu pertumbuhan pendapatan purata dan meningkatkan taraf hidup.

Pagi ini saya akan membentangkan secara ringkas **tiga ramuan penting untuk meningkatkan produktiviti di Malaysia**. Ramuannya tentulah lebih banyak lagi, namun ini hanyalah sebagai permulaan.

a) Meningkatkan Tadbir Urus dan Menghapuskan Rasuah

Ramuannya pertama ialah meningkatkan tadbir urus dan menghapuskan rasuah.

Apabila rasuah berleluasa, ia akan menyekat keupayaan sesebuah negara untuk menarik para pelabur dan mewujudkan peluang pekerjaan. **Warga muda lebih memahami hal ini berbanding kumpulan lain**. Tinjauan belia global yang dilaksanakan baru-baru ini telah mengenal pasti rasuah — bukan peluang pekerjaan mahupun kekurangan pendidikan — sebagai perkara yang paling membimbangkan di negara masing-masing.³ Adakah anda juga bersetuju dengan tinjauan ini?

Bagi saya ini adalah munasabah. **Rasuah adalah punca yang menyebabkan ketidakadilan yang dirasakan oleh rakyat dalam kehidupan seharian mereka**.

Itulah sebabnya IMF memberi tumpuan terhadap isu ini dan akan memasukkan penambahbaikan tadbir urus dalam usaha kami dengan para anggota selepas ini.

Saya sedar perkara ini menjadi fokus kerajaan Malaysia sebagaimana yang dinyatakan dalam manifesto pilihan raya mereka.

Pada tahun 2018, Pusat Governans, Integriti dan Anti-Rasuah Nasional telah diwujudkan. Pusat ini telah pun mencadangkan beberapa cara yang baharu untuk meningkatkan proses perolehan dan menghapuskan konflik kepentingan.

Pada bulan Januari, kerajaan telah melancarkan pelan anti rasuah yang baharu dengan tumpuan untuk menjadikan transaksi kewangan lebih telus dan mengukuhkan keupayaan pengawasan.

Ini merupakan kemajuan yang cemerlang. Kunci kepada kejayaan usaha ini adalah pelaksanaan -- menerusi perubahan dalam undang-undang dan melaksanakan setiap langkah agenda reformasi.

IMF mahu bekerjasama dengan anda dalam usaha ini. Kami percaya langkah-langkah ini akan dapat membantu menarik minat perniagaan untuk melabur di Malaysia dan seterusnya mewujudkan pekerjaan dan peluang yang baharu untuk seluruh warganegara. Namun ini hanyalah satu ramuan dalam adunan yang diperlukan.

b) Melabur dalam Pendidikan Bermutu Tinggi

Satu lagi ramuan ialah pelaburan dalam pendidikan **bermutu tinggi**. Saya ada menyebutkan tadi bahawa saya akan menyentuh tentang perkara ini.

Walaupun pelaburan **sumber** dalam pendidikan telah meningkat secara mendadak sepanjang dua puluh tahun yang lalu, namun **hasil** masih belum dapat direalisasikan sepenuhnya.

Malaysia masih berada di bawah paras purata OECD dalam mata pelajaran matematik, membaca dan sains. Ketaksamaan mengikut kawasan dan sosioekonomi masih wujud di seluruh negara dan bagi sesetengah kumpulan, terutamanya orang dewasa yang tidak berkemahiran tinggi, kemajuan automasi telah mengancam peluang pekerjaan.

Melihat kepada pengalaman negara-negara lain, Malaysia mempunyai laluan yang cerah untuk meneruskan komitmen negara untuk menambah baik bidang pendidikan.

Sebahagian daripada penyelesaian adalah dengan menambah dana bagi program pembelajaran sepanjang hayat dan latihan semula kemahiran. Kita juga boleh melihat kepada peringkat paling awal dalam pendidikan.

Syarat mewajibkan pendidikan boleh memberikan galakan untuk meningkatkan kadar pendaftaran pelajar dan membantu ribuan kanak-kanak untuk bermula pada laluan yang betul di peringkat yang lebih awal.

Apabila mereka mencapai umur masuk ke universiti, Malaysia boleh berfikir secara kreatif tentang cara untuk melatih pelajar bagi melakukan pekerjaan pada masa yang akan datang. **Ini bermakna lebih banyak kursus secara dalam talian dan kerja kursus secara sambilan** — kedua-duanya boleh membantu pelajar mendapat kemahiran baharu dalam masa yang singkat.

Pelaburan dalam pendidikan bermutu tinggi boleh mengurangkan ketidakpadanan kemahiran, meningkatkan upah, dan membantu semua rakyat Malaysia memanfaatkan potensi teknologi baharu.

Sebagai anak kepada guru, saya juga mahu menyatakan bahawa — **kita tidak harus lupa dengan para pendidik**. Semalam saya telah berjumpa dengan para pendidik dari Teach for Malaysia.

Satu isu yang menjadi tumpuan mereka — sama juga seperti anda di Universiti Malaya — ialah meningkatkan mutu pengajaran – termasuk **memasukkan lebih banyak pelajaran matematik dan sains dalam sukatan pelajaran di semua peringkat**.

Perdana Menteri Mahathir Mohamad telah bercakap dengan jelas tentang perubahan yang boleh membantu generasi baharu Malaysia. Beliau berkata, “*Kita perlu ada sistem pendidikan yang baik yang menekankan keperluan untuk mengetahui bidang sains, matematik dan teknologi.*” Dan beliau seterusnya menekankan bagaimana kemahiran bahasa

boleh menyokong usaha pembelajaran matematik dan sains: *Teknologi baharu selalunya datang kepada kita dalam bahasa Inggeris. Tanpa memahami bahasa Inggeris, sukar bagi para pelajar kita untuk menggunakan kecerdasan buatan bagi mencipta produk baru.*”

Pembaharuan untuk menekankan matematik dan sains boleh membantu anak-anak — mungkin sebahagian daripada anda di dalam bilik ini — menjadi pereka aplikasi telefon bimbit yang hebat. Pendidikan boleh mencetuskan aspirasi anda dan melengkapkan anda dengan alat yang diperlukan untuk membina masa depan yang lebih cerah untuk negara anda.

Dan mempelajari bahasa bersama dengan subjek kemanusiaan tradisional mungkin boleh menjadi pelengkap kepada kemahiran teknikal untuk membolehkan kejayaan di masa depan.

Sekarang, ada **satu lagi ramuan** yang saya mahu serlahkan pada pagi ini. Saya cenderung memikirkannya sebagai *ramuan rahsia* kerana ia terlalu sering diabaikan: Memperkasakan wanita, yang boleh meningkatkan pertumbuhan dan membantu menjadikannya lebih inklusif.

c) Meningkatkan Penyertaan Wanita dalam Bidang Pekerjaan

Kenyataannya adalah bahawa wanita Malaysia selalunya tidak mendapat akses yang cukup ke pasaran pekerjaan dan peluang kerjaya yang lebih sedikit berbanding rakan sebaya mereka di negara-negara jiran.⁴

Wanita di Malaysia secara purata menerima pendapatan kira-kira satu pertiga kurang berbanding lelaki dan data mencadangkan jurang ini sebahagian besarnya disebabkan oleh diskriminasi di tempat kerja.⁵

Kemajuan sedang dicapai. Bilangan wanita yang membuka akaun bank di Malaysia kini mengatasi pertumbuhan di negara-negara ASEAN yang lain.⁶ **Sejak krisis kewangan global, peluang pekerjaan wanita telah berkembang pada kadar yang lebih cepat berbanding peluang pekerjaan lelaki.**

Kerajaan baharu telah melantik lima menteri, empat timbalan menteri, dan timbalan perdana menteri wanita yang pertama dalam sejarah negara - dan antara mereka merupakan bekas pelajar universiti ini! BNM juga turut diterajui oleh seorang wanita yang hebat — Gabenor Shamsiah.

Para wanita Malaysia mahukan perubahan. Satu tinjauan baru-baru ini menunjukkan bahawa 80 peratus wanita berminat dengan pengaturan kerja yang fleksibel, namun hanya 20 peratus yang pernah menggunakannya.

Satu lagi tinjauan menunjukkan hampir 60 peratus daripada ibu yang bekerja tidak dapat melakukan kerja mereka dari rumah.

Pihak kerajaan mendengar ini semua. Undang-undang baru telah dilaksanakan untuk melindungi pekerjaan wanita semasa mereka bercuti bersalin dan diskriminasi jantina di tempat kerja telah dihapuskan.

Bajet kerajaan baru-baru ini meliputi langkah-langkah untuk meningkatkan cuti keluarga berbayar dan mandat bahawa mana-mana syarikat berkaitan kerajaan perlu ada sekurang-kurangnya 30 peratus perwakilan wanita di peringkat lembaga. **Bagi saya, angka ini sepatutnya 50 peratus! Namun ini adalah satu permulaan yang baik.**

IMF percaya bahawa segala usaha ini dapat meningkatkan kadar penyertaan wanita dalam pekerjaan melebihi 56 peratus menjelang 2020. Ini seterusnya bermakna **peningkatan pertumbuhan KDNK dan produktiviti ekonomi secara keseluruhan.**

Perubahan seperti ini adalah sukar tetapi ia amat berbaloi. Di sini kita boleh mendapat inspirasi daripada salah seorang pemain skuasy terbaik di dunia, bintang sukan kebangsaan, Nicol David. Beliau berkata, “*Segalanya adalah tentang cabaran. Cabaran adalah apa yang mendefinisikan anda.*” Daya tahan seperti ini merupakan ramuan rahsia kepada kejayaan.

Kesimpulan

Izinkan saya membuat kesimpulan.

Sebagaimana dengan laksa, terdapat pelbagai gabungan ramuan yang boleh memberi kejayaan ekonomi untuk Malaysia.

Tiada satu ramuan atau penyelesaian yang khusus. Walau bagaimanapun, terdapat ramuan teras yang jika digabungkan dengan betul akan dapat memberi kejayaan kepada negara ini. Saya telah menyebut beberapa ramuan pada hari ini.

Saya berharap sepanjang lawatan ini saya dapat terus mendengar dan belajar daripada anda tentang apa yang anda percaya diperlukan untuk kejayaan Malaysia — dan bagaimana IMF boleh terlibat sama dalam usaha ini.

Ini kerana satu-satunya pengajaran asas dalam *laksa* — atau dalam kehidupan — kita adalah sebahagian daripada perkongsian sejarah dan masa depan yang dikongsi bersama.

Sekian. Terima kasih.

¹ Kajian IMF & Bank Dunia. Seperti yang diukur oleh PPP.

² Penilaian Ekonomi Malaysia OECD 2019 yang akan diterbitkan. Penemuan Awal.

³ [WEF Global Shapers Annual Survey 2017](#)

⁴ Rencana Malaysia IV Mac 2019.

⁵ Penilaian Ekonomi Malaysia OECD 2019 yang akan diterbitkan. Penemuan Awal.

⁶ Analisis Staf IMF.